



## KENYATAAN MEDIA

### PROGRAM PELEPASAN BENIH UDANG GALAH KE PERAIRAN UMUM DAN PENYERAHAN KAD PENDAFTARAN NELAYAN SUNGAI NEGERI MELAKA

1. Jabatan Perikanan Negeri Melaka telah **melepaskan 25,000 benih udang galah ke perairan umum di Sungai Kesang, Jasin**. Di dalam program yang sama, seramai 18 orang nelayan tempatan menerima kad pendaftaran.
2. Sejumlah **2.0 JUTA EKOR BENIH IKAN DAN UDANG** telah dilepaskan ke perairan negeri ini bagi memperkayakan stok dan memelihara sumber dari perairan sungai. Makanan laut menjadi sumber makanan yang terpenting sama seperti ayam dan lembu. Namun atas beberapa faktor sumber makanan laut menjadi semakin susut. Justeru, pelepasan ikan dan udang ke perairan umum adalah bagi membantu pertambahan sumber bagi masa akan datang.
3. Selain pelepasan ikan dan udang, **PROGRAM MENABUR BENIH KERANG** juga diadakan di Negeri Melaka. Sebanyak **2.8 tan benih kerang akan ditabur di Perairan Sebatu pada 16 November 2020**. Ia bertujuan untuk **meningkatkan sumber ekonomi nelayan tempatan dengan memberi manfaat kepada 120 nelayan** di situ. Kerang juga menjadi sumber hasil laut yang mendapat permintaan tinggi dengan sumber yang terhad.
4. Bagi mewujudkan ekosistem yang berfungsi sebagai satu santuari bagi meningkatkan produktiviti sumber perikanan, Jabatan Perikanan Melaka telah terlibat dalam menjayakan projek-projek mega seperti **melabuhkan 40 unit unjam di perairan Pernu hingga Umbai. Selain itu, 15 unit tukun tiruan konkrit telah dilabuhkan di dasar laut Perairan Pulau Besar**. Tukun dan unjam ini dapat membantu dalam usaha memulihara dan melindungi habitat marin.
5. Sepanjang penularan pandemik Covid-19 yang melanda dunia khususnya Malaysia, banyak sektor mengalami kerugian. Ini menyaksikan kejatuhan pelabur-pelabur besar dan juga pengusaha-pengusaha kecil. Oleh itu, pengusaha dan penternak akuakultur tidak sekali-kali dilupakan dalam pemberian bantuan. Jabatan Perikanan Negeri Melaka turut **menyampaikan BANTUAN 50,000 BENIH IKAN PUYU** bagi membantu meringankan beban golongan ini.

6. Program ini dihadiri YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, YB Datuk Norhizam bin Hassan Baktee, Exco Pertanian dan Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Melaka, YB Datuk Hasan bin Abdul Rahman, ADUN Sg. Rambai, Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Melaka bersama Ketua-ketua Agensi dan Jabatan.

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia  
Wisma Tani, Putrajaya

**07 November 2020 (Sabtu) jam 11.00 pagi**

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 019-381 7402 (Ahmad Faizal)  
012-664 9570 (Aqilah)

Email : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my) ; [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my)